

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 1/1979.**

---

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

BAYARAN PENGAMBILAN DAN PENGALIHAN BATU KUARI DAN BATU BATA.

Arahan ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk menyelaraskan pungutan bayaran pengambilan dan pengalihan batu kuari dan batu bata.

2. Mengikut syarat kelulusan yang dikenakan ke atas kilang kuari, permit adalah diambil bagi setiap pengambilan dan pengalihan dan batu yang dilakukan. Tetapi telah menjadi amalan pengalihan batu-batu kuari ini tidak diambil perमितnya setiap kali pengambilan dan pemindahan dibuat. Dalam erfikata pembayaran adalah dibenarkan kemudian daripada pemindahan. Dari apa yang didapati pula pembayaran pengambilan dan pengalihan ini tidaklah pula selaras antara daerah-daerah di mana ada daerah menentukan pembayaran dibuat sebulan sekali dan ada yang lebih sampai tiga bulan. Cara yang tidak selaras ini boleh menimbulkan salah faham kepada pengusaha-pengusaha.

3. Dengan tujuan menyelaraskan perjalan antara semua daerah, tidak menimbulkan salah faham dan juga memudahkan kedua-dua pihak iaitu Pemungut Hasil Tanah dan Pengusaha, maka mulai bulan Julai, 1979 ini Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki memungut bayaran-bayaran pengambilan dan pengalihan batu kuari ini sebulan sekali dengan menentukan juga pihak pengusaha mengemukakan penyata bulannya.

4. Bayaran amanah yang ditentukan dalam syarat kelulusan yang dikenakan kepada kuari-kuari berkenaan juga hendaklah dipungut.

5. Pembayaran pengalihan batu bata juga diperhatikan tidak begitu diberatkan. Oleh yang demikian bahagian Penguatkuasa Pejabat Tanah hendaklah juga membuat pemeriksaan ke atas pengalihan batu bata. Untuk memudahkan pengusaha daripada membuat pembayaran bagi setiap pengalihan dibuat, pembayaran pengalihan ini boleh juga dilakukan sebulan sekali sebagaimana cara pembayaran bagi batu kuari di atas.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t.  
 ( DATO' LELA JASA )  
 Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Bil. (38) dlm. PTG.TR.13/66/1 (sem)

s.k.  
 Yang Berhormat,  
 Setiausaha Kerajaan,  
 Terengganu.

Kuala Terengganu, 11hb. Julai, 1979.